



Ringkasan Eksekutif

PELAN STRATEGIK ICT JAKIM 2020 - 2025

جَابْرِيلُ كَمْبِيْسِيْوْنِ إِلَّا سَمْرُ مَالِيْسِيَا
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA



Ringkasan Eksekutif

PELAN STRATEGIK ICT JAKIM 2020 - 2025

ISI KANDUNGAN

Perutusan Ketua Pegawai Maklumat (CIO)	ii
	iii
Pengenalan	1
	2 Skop Projek
Pendekatan Pelaksanaan Projek	3
	4 Tadbir Urus Projek
Visi, Misi dan Teras Strategik Bisnes JAKIM	5
	6 Visi, Misi dan Teras Strategik ICT JAKIM
Teras Strategik ICT	7
	13 Penjajaran Strategik ICT dengan Strategik Bisnes
Faktor Kritikal Kejayaan	14
	15 Penutup

PERUTUSAN

KETUA PEGAWAI MAKLUMAT (CIO) JAKIM

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) adalah agensi peneraju dalam pengurusan hal ehwal islam di peringkat persekutuan serta merupakan urus setia kepada Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI). Dengan moto "Melebar Risalah Menyantuni Ummah", JAKIM berperanan dalam menyelaras pengurusan hal ehwal islam, menentukan hala tuju kemajuan islam serta menyebarluaskan dakwah islamiah di kalangan masyarakat di Malaysia.

Bagi mencapai hasrat tersebut, JAKIM telah mewujudkan Pelan Strategik ICT (PSICT) JAKIM 2020 – 2025 yang diharapkan akan dapat menjadi rujukan dan panduan dalam pengurusan dan pelaksanaan projek dan program ICT di Ibu Pejabat dan Pusat Tanggungjawab (PTJ) JAKIM serta Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR).

Pelan ini menyediakan perancangan dalam tempoh enam tahun bagi memastikan pengurusan dan perancangan projek dan program ICT dapat dilaksanakan dengan lebih efektif, efisien dan tuntas ke arah mengoptimumkan penggunaan teknologi baharu seperti *Blockchain*, *Big Data Analytics*, teknologi hijau serta seiring dengan revolusi perindustrian 4.0 (IR 4.0).



Akhir kata, saya juga ingin merakamkan ucapan penghargaan kepada seluruh barisan pengurusan dan warga JAKIM atas segala saranan, idea bernes dan bantuan yang diberikan. Semoga usaha dan komitmen yang telah diberikan mendapat ganjaran yang setimpal dari Allah SWT. Insya Allah.

Sekian, terima kasih.

AHMAD FUAD BIN APANDI

PRAWACANA

PENGARAH BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

Perancangan yang teliti dan strategik merupakan kunci kepada kejayaan dalam setiap program yang dirancang dan akan dilaksanakan. Tanpa perancangan yang komprehensif boleh diibaratkan seperti kita bergerak tanpa hala tuju yang jelas. Dokumen ini disusun untuk dijadikan panduan kepada kita semua dalam memastikan pelaksanaan projek dan program ICT sejajar dengan hasrat pemegang taruh serta visi dan misi jabatan.

Saya amat menyokong usaha memperkasakan ICT untuk meningkatkan kualiti sistem penyampaian kepada rakyat terutamanya kepada umat Islam di Malaysia. Kita perlu sentiasa meningkatkan usaha-usaha untuk menyediakan sistem aplikasi yang dapat memudahkan pengguna serta rangkaian dan infrastruktur ICT yang baik bagi memastikan penyampaian perkhidmatan dapat diperhebatkan.

JAKIM komited untuk bekerjasama dengan semua pihak berkepentingan untuk memastikan visi dan misi yang ditetapkan di dalam pelan strategik ini dapat direalisasikan.

Sekian, Terima Kasih

ABD RAHMAN BIN MOHID



Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) adalah agensi peneraju dalam pengurusan hal ehwal islam di peringkat persekutuan serta merupakan urus setia kepada Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) yang mana fungsi utama JAKIM adalah seperti berikut:



- 1 Penggubalan dan Penyeragaman Undang - Undang Syarak
- 2 Penyelarasan Pentadbiran Islam
- 3 Penyelarasan dan Pembangunan Pendidikan Islam

Bagi memastikan penyampaian perkhidmatan JAKIM dapat disampaikan secara cekap, berkesan serta memenuhi ekspektasi rakyat, ICT telah dikenalpasti sebagai pemudah cara. Perancangan pelaksanaan inisiatif ICT amatlah penting bagi memastikan ianya sejajar dengan hala tuju JAKIM.

Justeru itu, JAKIM telah membangunkan Pelan Strategik ICT (PSICT) bagi tahun 2020 – 2025. Pelan ini bakal memacu serta menjadikan JAKIM sebagai jabatan yang lebih efisien dan responsif. Pelan ini akan menjadi sumber rujukan utama dalam pelaksanaan projek dan program ICT di Ibu Pejabat dan Pusat Tanggung Jawab (PTJ) JAKIM serta Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR).

Pembangunan PSLCT ini adalah bertepatan dengan Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2015 : Garis Panduan Permohonan Kelulusan Teknikal dan Pemantauan Projek Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) Agensi Sektor Awam serta dijajarkan dengan Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam 2021 – 2025.

Skop pelaksanaan projek pembangunan PSICT ini merangkumi tiga perkara iaitu:

Keperluan ICT JAKIM yang melibatkan pengguna, sistem aplikasi, infrastruktur, tadbir urus serta keupayaan perkhidmatan ICT



Keperluan ICT JAKIM yang melibatkan kolaborasi dengan agensi lain




Meneruskan pelaksanaan projek di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) dengan pendekatan yang bersesuaian dan peruntukan tahunan yang disediakan




Rajah 1 : Skop Pembangunan PSICT JAKIM 2020 – 2025

Pembangunan PSICT JAKIM 2020 – 2025 ini adalah berdasarkan metodologi yang telah diperkenalkan oleh pihak MAMPU di dalam Panduan Perancangan Strategik ICT (PerSI). Terdapat lima fasa dalam pembangunan PSICT seperti di Rajah 2. Berpandukan metodologi ini, pembangunan PSICT dimulakan dengan fasa mobilisasi dan kemudiannya proses analisis berhubung dengan persekitaran bisnes dan ICT di JAKIM. Hasil analisis berkenaan seterusnya digunakan bagi menghasilkan teras strategik ICT. Kemudian pelan tindakan disusun bagi mengenal pasti projek dan program ICT yang akan dilaksanakan beserta kos dan keutamaan.



Rajah 2 : Metodologi Pembangunan PSICT JAKIM 2020 - 2025

Kelancaran dan keberkesanan pelaksanaan projek pembangunan PSICT JAKIM 2020 – 2025 amatlah penting bagi memastikan ianya dapat disempurnakan dalam tempoh masa yang telah ditetapkan. Untuk itu, satu struktur tadbir urus telah diwujudkan seperti di dalam Rajah 3.



Rajah 3 : Tadbir Urus PSICT JAKIM


Bagi memastikan kecemerlangan penyampaian JAKIM kepada pelanggan, visi dan misi yang telah ditetapkan perlu dikongsi bersama kepada seluruh warga JAKIM supaya usaha yang dilaksanakan bergerak secara senergi. Visi, misi dan tujuh teras strategik JAKIM adalah seperti berikut:

Visi

Peneraju Pengurusan Hal Ehwal Islam di Malaysia

Misi

Memperkuuh Tadbir Urus Hal Ehwal Islam Melalui Pendekatan Rahmah ke Arah Kesejahteraan Ummah



Rajah 4 : 7 Teras Strategik JAKIM

Visi

ICT pemacu pengurusan hal ehwal islam di Malaysia

Misi

Memperkasa pengurusan hal ehwal Islam melalui pendigitalan dan pemodenan perkhidmatan JAKIM bagi kesejahteraan ummah

Rajah 5 : Visi dan Misi ICT JAKIM

Teras Strategik ICT

JAKIM telah menetapkan empat teras strategik ICT bagi memastikan visi dan misi ICT dapat dicapai. Teras strategik yang dihasilkan adalah seperti Rajah 6. Perincian bagi setiap teras strategik akan diterangkan di dalam seksyen seterusnya.



Rajah 6 : Teras Strategik ICT



Pemerkasaan penyampaian perkhidmatan secara digital yang inklusif dan berpacukan data

Objektif

Memperkasakan perkhidmatan JAKIM melalui pendigitalan yang berkualiti dan komprehensif

Strategi

Pemerkasaan perkhidmatan teras JAKIM

Pengoptimuman perkongsian dan integrasi data merentasi agensi

Pengukuhan aplikasi sokongan JAKIM

Program

Pengukuhan dan pembangunan sistem aplikasi sejarah dengan platform terkini

Perancangan pembangunan sistem bersepadu secara berfasa

Pewujudan capaian melalui *Single Sign-On*

Peningkatan perkhidmatan digital yang lebih mesra rakyat

Pemantapan ketersediaan data dan maklumat hal ehwal islam bagi perkongsian yang komprehensif

Pembangunan sistem pengurusan bantuan teknikal ICT

Pengukuhan penyelenggaraan sistem aplikasi sedia ada

Pembangunan persekitaran intranet

Pemantapan dan peluasan perkhidmatan sistem aplikasi JAKIM dan JAWHAR



Pemantapan keupayaan infrastruktur ICT secara holistik

Objektif

Memastikan kemudahan infrastruktur memenuhi keperluan semasa serta kelestarian keselamatan siber terjamin

Strategi

Penyediaan dan naik taraf perkakasan dan perisian

Pengukuhan keupayaan pusat data

Pengukuhan jaringan keselamatan digital di semua peringkat

Perluasan dan peningkatan keupayaan LAN dan WAN

Program

Penggantian perkakasan ICT yang memenuhi keperluan semasa

Penstrukturkan pengurusan operasi server

Pengukuhan kawalan capaian fizikal ke pusat data

Perluasan liputan rangkaian Wifi di kawasan strategik

Naziran keupayaan kapasiti perkakasan dan perisian

Pelaksanaan konsolidasi server

Menaik taraf keselamatan aset ICT

Penggantian perkakasan dan aksesori rangkaian yang telah lama

Pemantapan kecekapan pengurusan teknikal perkakasan ICT

Pengukuhan penyelenggaraan server

Pemantauan keselamatan ICT secara sistematis

Pengukuhan tahap ketersediaan perkakasan yang tinggi

Penyediaan perkhidmatan penyimpanan data berpusat untuk kemudahan pengguna

Pemantapan Pelan Pemulihan Bencana (DRP)

Peningkatan mutu perkhidmatan rangkaian secara tuntas



Pemantapan tadbir urus perkhidmatan digital yang komprehensif dan inklusif

Objektif

Memantapkan tadbir urus ke arah koordinasi perkhidmatan digital dan memperkasakan kefungsian organisasi perkhidmatan digital yang efisien

Strategi

Pengukuhan jaringan kolaborasi strategik

Rasionalisasi struktur dan fungsi perkhidmatan ICT

Pemantapan dasar perkhidmatan digital

Pemerkasaan keselamatan perkhidmatan digital

Program

Meningkatkan penglibatan dalam projek dan program perkhidmatan digital di MAMPU

Memperluaskan kerjasama perkhidmatan digital bersama pihak JAIN dan MAIN

Memperkasakan struktur dan fungsi ICT

Merancang perkhidmatan digital jangka panjang hal ehwal islam Malaysia

Merangka Pelan Pemulihan Bencana (DRP)


Melaksanakan pembangunan sistem berdasarkan dasar dan pekeliling semasa

Melaksanakan penilaian risiko perkhidmatan digital secara berkala

Melaksanakan kajian impak perkhidmatan digital

Merangka pelan komunikasi perkhidmatan digital

Memantapkan semua jawatankuasa berkaitan perkhidmatan digital



Pemantapan modal insan dan pembudayaan ICT dalam penyampaian perkhidmatan yang komprehensif

Objektif

Meningkatkan kemahiran dan kepakaran kompetensi dan membudayakan penggunaan ICT kepada warga dan pelanggan

Strategi

Pembentukan modal insan yang berkemahiran tinggi

Pemerksaan pembudayaan ICT

Pengiktirafan produk dan inovasi ICT

Program

Pelaksanaan Kursus/ Latihan Kemahiran ICT untuk warga Jabatan

Pelaksanaan Pelan Komunikasi dan Pembudayaan ICT

Penghargaan dan insentif

Pelaksanaan Kolaborasi dengan Sektor Awam dan Swasta

Pelaksanaan Program dan Kempen Kesedaran ICT

Penyertaan dalam pertandingan ICT

PENJAJARAN STRATEGIK ICT DENGAN STRATEGIK BISNES

Teras Strategik JAKIM

01

Memperkasa penyelarasan dan penyeragaman undang-undang islam ke arah pelaksanaan syariat yang lebih berhikmah

02

Memperkuatkan pentadbiran islam melalui penyelidikan dan pembangunan dasar yang lebih progresif berteraskan maqasid syariah

03

Membina keperibadian unggul melalui pemerkasaan sistem pendidikan islam ke arah kesejahteraan ummah

04

Memantapkan kefahaman dan penghayatan islam secara inklusif bagi melahirkan masyarakat yang berakhlik

05

Mengukuhkan rangka kerja dan inisiatif halal ke arah mengekalkan Malaysia sebagai peneraju halal global

06

Membudayakan tadbir urus organisasi berlandaskan nilai kesopanan, keprihatinan dan kedulian ke arah merakyatkan perkhidmatan awam

07

Membudayakan tadbir urus organisasi berlandaskan nilai kesopanan, keprihatinan dan kedulian ke arah merakyatkan perkhidmatan awam

Teras Strategik ICT

TS1, TS2, TS3, TS4

TS1, TS2, TS3

TS1, TS4

TS1, TS2, TS4

TS1, TS2, TS3

TS3, TS4

TS3

FAKTOR KRITIKAL KEJAYAAN

9



Pelan Strategik ICT (PSICT) merupakan satu *blueprint* bagi pelaksanaan projek dan program ICT bagi mencapai hala tuju dan teras strategik JAKIM. Pelan ini mengenal pasti program-program ICT yang perlu dilaksanakan mengikut jangka masa dirancang bagi tempoh 2020 - 2025. Kejayaan pelaksanaan program-program ICT ini dapat meningkatkan penyampaian perkhidmatan JAKIM kepada pelanggan selain meningkatkan kualiti maklumat yang disampaikan kepada stakeholders. Pelan ini akan menjadi satu panduan dan rujukan sepanjang pelaksanaan ICT untuk tempoh tersebut.





Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)
Blok A Dan B, Kompleks Islam Putrajaya,
No 23, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3, 62100
Putrajaya, Malaysia

www.islam.gov.my | 03-8870 7000 | 03-8870 7003

2020 Hak Cipta Terpelihara JAKIM